



NOTIS MAKLUMAN

PENUTUPAN SEMENTARA SALURAN KOMUNIKASI WHATSAPP

Dimaklumkan saluran komunikasi WhatsApp akan ditutup sementara bermula pada 20 Mac 2026 berikutan perkara yang tidak dapat dielakkan. Pelanggan boleh merujuk kepada perkhidmatan terlibat dan alternatif saluran komunikasi lain seperti berikut:

No.	Saluran Komunikasi WhatsApp	Alternatif Saluran Komunikasi Lain
1.	Notifikasi maklum balas e-Tiket daripada LPPSA kepada pelanggan.	Notifikasi maklum balas e-Tiket akan dihantar melalui emel .
2.	Semakan maklumat terpilih pembiayaan pelanggan	Pelanggan boleh membuat semakan maklumat akaun pembiayaan melalui Chatbot LPPSA atau aplikasi MyFinancing .
3.	Live Chat	Perkhidmatan Live Chat boleh diakses melalui LiA Chatbot atau pertanyaan boleh dihantar melalui saluran komunikasi lain seperti e-Tiket atau e-KAUNTER .

Penutupan sementara ini tidak menjejaskan saluran komunikasi secara keseluruhan serta pengalaman pelanggan berurusan dengan LPPSA. Makluman pengoperasian semula saluran komunikasi WhatsApp akan diumumkan dalam masa terdekat.

LPPSA kekal komited memberikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik, cekap, responsif kepada semua pelanggan melalui saluran perkhidmatan yang disediakan. Segala kerjasama dan kefahaman amat dihargai.

19 MAC 2026